




**KESAN MANIPULASI FOKUS KEMAHIRAN LONTARAN
PETANQUE TERHADAP PELAJAR MASALAH
PEMBELAJARAN**



SARJANA SAINS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

2023



Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan



**KESAN MANIPULASI FOKUS KEMAHIRAN LONTARAN
PETANQUE TERHADAP PELAJAR MASALAH PEMBELAJARAN**

Muhammad Azzat Bin Alias

Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia

2023

**KESAN MANIPULASI FOKUS KEMAHIRAN LONTARAN PETANQUE
TERHADAP PELAJAR MASALAH PEMBELAJARAN**

MUHAMMAD AIZZAT BIN ALIAS

**Tesis yang dikemukakan bagi memenuhi syarat – syarat untuk
memperolehi Ijazah Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia**



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2023


PENGAKUAN

Saya akui tesis yang bertajuk “Kesan Manipulasi Fokus Kemahiran Lontaran Petanque Terhadap Pelajar Masalah Pembelajaran” adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengakui bahawa hasil kerja dan tajuk tesis ini tidak pernah dihasilkan di institut pengajian yang lain.

Tandatangan : 

Nama Pelajar : MUHAMMAD AIZZAT BIN ALIAS

Tarikh : 12/04/2023



PENGESAHAN

Saya dengan ini mengaku bahawa saya telah membaca tesis ini dan berpandangan mencukupi dari segi skop serta kualiti untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia

Tandatangan :



Nama Penyelia :

DR. MAHADI BIN ABU HASSAN

Tarikh :

12/04/2023



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

DEDIKASI

Seteguh kasih ayah,

Setulus kasih ibu,

Salam sayang dan istimewa buat kedua insan penting dalam diri ini,

Insan yang telah mencurahkan kasih sayang,

Insan yang telah mengajar perit kehidupan,

Insan yang telah mengorbankan wang dan ringgit,

Insan yang akan terseramat namanya di hati ini buat selama lamanya,

Alias Hj Ahmad dan Rosmawati Abdul Rashid

اونيورسيتي تیکنیکل ملایسا ملاک
Tidak dilupakan buat adik beradik, pensyarah, guru dan sahabat,

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Mereka sentiasa menyokong dan memahami diri ini,

Tanpa mereka, kerinduan ini tidak dapat diluahkan,

Ketulusan, keikhlasan hati dan kasih sayang akan aku kenang sehingga akhir hayat,

Salam kerinduan kepada semua yang mengenali diri ini,

Terima kasih

ABSTRAK


Aplikasi ruang kerja ergonomik dalam kehidupan akan memberi kepuasan dan keselesaan terhadap individu dalam menjalani kehidupan bermasyarakat. Persekitaran ruang kerja ergonomik yang selesa akan mempengaruhi prestasi atlet petanque. Malah, ruang kerja ergonomik turut memberi kesan lontaran petanque kepada pelajar masalah pembelajaran. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kesan manipulasi fokus kemahiran lontaran petanque terhadap pelajar masalah pembelajaran. Kajian ini menggunakan metodologi eksperimen ujian pra dengan ujian pasca dan kaedah statistik kuantitatif deskriptif. Seramai 16 orang pelajar masalah pembelajaran telah dipilih sebagai responden kajian. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 22.0. Kajian melibatkan dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Perbezaan min skor kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan bagi ergonomik berat bola dan jarak kawasan permainan adalah 3.00. Manakala, perbezaan min skor kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan bagi ergonomik warna bola adalah 2.21. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan kesan ruang kerja ergonomik berat bola, warna bola dan jarak kawasan permainan. Kajian ini akan mendorong minat kepada pelajar masalah pembelajaran melibatkan diri dengan aktiviti sukan dan potensi diri untuk meningkatkan pencapaian mereka di luar pembelajaran kelas.



THE EFFECT OF MANIPULATING THE FOCUS OF PETANQUE THROW SKILLS AMONG STUDENTS WITH LEARNING PROBLEMS

ABSTRACT

The application of ergonomic work station will give the individual satisfaction and comfort in living the community. The comfortable ergonomic work station environment will affect the performance of petanque athletes. In fact, the ergonomic work station also gives the effect of petanque throwing skills to students with learning problems. The objective of this study was to investigate the effect of manipulating the focus of petanque throw skills among students with learning problems. This study uses an experimental methodology of pre-test with post-test and descriptive quantitative statistical methods. 16 students with slow learner problems were selected as respondents. The data obtained were analyzed using software Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22.0. The study involved two groups, treatment group and control group. Mean score the treatment group and control group for ergonomic ball weight and game area distance is 3.00. Meanwhile, mean score the treatment group and control group for ergonomic ball colour is 2.21. The results show that the ergonomic work station effect of ball weight, ball colour and game area distance. This study will encourage slow learner students engage in sports activities and their potential to enhance their achievement.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T. yang Maha Pemurah serta Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, para sahabat serta ahli keluarganya. Bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini dengan sempurna. Rasa bersyukur dan terima kasih tidak terhingga kerana berkat usaha, doa serta bantuan dari ramai pihak dapat saya menyiapkan tesis dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan ucapan terima kasih kepada Dr. Mahadi Bin Abu Hassan, penyelia akademik saya yang telah banyak memberi nasihat, galakan, tunjuk ajar dan bimbingan yang amat berguna sepanjang pengajian sarjana ini. Segala ilmu beliau curahkan tidak akan saya lupakan.

Sekalung penghargaan buat Dr. Anidah Binti Robani, selaku penyelia bersama yang turut banyak membantu saya dalam penerbitan artikel jurnal dan memberi pengetahuan berguna sepanjang tempoh pengajian. Terima kasih kepada Profesor Madya Datuk Norliah Kudus yang sudi berkongsi ilmu dalam menyiapkan kajian ini. Saya juga tidak akan lupakan jasa baik mantan penyelia utama yang telah bersara iaitu Profesor Madya Dr. Asiah Binti Hj Mohd Pilus, Profesor Madya Dr. Safiah Sidek, Dekan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan dan semua barisan pensyarah yang banyak memberi sumbangan ilmu serta kudrat sepanjang saya menjalankan penyelidikan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Salam sayang dan penghargaan yang tidak terhingga kepada ayahanda dan bonda tercinta iaitu Alias Hj Ahmad dan Rosmawati Abdul Rashid serta keluarga atas dorongan semangat yang tidak pernah putus untuk saya terus berusaha menyiapkan penyelidikan ini. Selain itu, jutaan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang sentiasa memberi semangat, Muhammad Adli Amirul Bin Md Puad, Mohamad Aidil Bin Hasim, Muhamad Syamiezy Bin Sidek dan Noraishah Binti Othman yang banyak membantu saya menyiapkan tesis ini.

Semoga usaha kita bersama menjadikan kita berjaya dan berguna untuk negara, bangsa dan agama. Sekalung penghargaan ditujukan khas kepada semua yang telah banyak mencurahkan ilmu yang tidak terhingga. Segala ilmu yang dicurahkan tidak akan saya lupakan hingga akhir hayat.

Sekian, terima kasih.

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	
PENGESAHAN	
DEDIKASI	
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI LAMPIRAN	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI PENERBITAN	xi

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	8
1.4	Persoalan Kajian	11
1.5	Objektif Kajian	12
1.6	Hipotesis Kajian	12
1.7	Kerangka Kajian	13
1.8	Skop Kajian	13
1.9	Sumbangan Kajian	14
1.10	Batasan Kajian	16
1.11	Definisi Operasional Kajian	16
	1.11.1 Ruang Kerja	17
	1.11.2 Petanque	20
	1.11.3 Pelajar Masalah Pembelajaran	29
	1.11.4 Lontaran	33
1.12	Ringkasan	41
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	43
2.1	Pengenalan	43
2.2	Model Kajian	48
	2.2.1 Model <i>Teaching Games for Understanding (TGfU)</i>	49
2.3	Kajian Literatur	52
	2.3.1 Kajian Literatur Berat	53
	2.3.2 Kajian Literatur Warna	56
	2.3.3 Kajian Literatur Jarak	61

2.3.4	Kajian Literatur Pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU)	66
2.4	Ringkasan	69
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	71
3.1	Pengenalan	71
3.2	Reka Bentuk Kajian	73
3.3	Konteks Kajian	79
3.4	Populasi dan Persampelan	80
3.5	Instrumen Kajian	81
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	83
	3.6.1 Alat Kajian	84
	3.6.2 Ujian Pra dan Ujian Pasca	94
3.7	Analisis Data	96
3.8	Ringkasan	97
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	98
4.1	Pengenalan	98
4.2	Profil Responden	99
4.3	Dapatan Kajian	100
4.4	Pengujian Hipotesis	108
4.5	Ringkasan	111
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	112
5.1	Pengenalan	112
5.2	Ringkasan Kajian	113
5.3	Kesimpulan Dapatan Kajian	114
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	117
5.5	Limitasi Kajian	121
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	122
5.7	Kesimpulan	125
RUJUKAN		127
LAMPIRAN		152

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Kajian Literatur Berat	53
2.2	Kajian Literatur Warna	56
2.3	Kajian Literatur Jarak	61
2.4	Kajian Literatur Pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU)	66
4.1	Taburan Responden Mengikut Demografi Jantina	99
4.2	Jadual Minggu Ke Dua (2) Responden Kumpulan Rawatan	101
4.3	Perbezaan Min dan Sisihan Piawai Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan Kesan Ruang Kerja Berat Bola	102
4.4	Perbezaan Min dan Sisihan Piawai Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan Kesan Ruang Kerja Warna Bola	103
4.5	Perbezaan Min dan Sisihan Piawai Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan Kesan Ruang Kerja Jarak Kawasan Permainan	104
4.6	Ujian-t Perbezaan Kesan Ruang Kerja Berat Bola	108
4.7	Ujian-t Perbezaan Kesan Ruang Kerja Warna Bola	109
4.8	Ujian-t Perbezaan Kesan Ruang Kerja Jarak Kawasan Permainan	110


SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Kajian Kesan Manipulasi Fokus Kemahiran Lontaran Petanque Dalam Kalangan Pelajar Masalah Pembelajaran	13
1.2	Faktor Utama Ruang Kerja Terhadap Manusia	17
1.3	Kerangka Kajian Pelajar Masalah Pembelajaran	29
2.1	Pembahagian Subtopik Dalam Tinjauan Literatur	43
2.2	Kerangka Konseptual Kajian	48
2.3	Model <i>Teaching Games for Understanding</i>	49
3.1	Proses Peringkat Kajian	71
3.2	Model Reka Bentuk Eksperimen	74
3.3	Peringkat Prosedur Ujian Eksperimen	76
3.4	Istilah Persampelan	80
4.1	Perbezaan Min Kesan Ruang Kerja Berat Bola Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca	105
4.2	Perbezaan Min Kesan Ruang Kerja Warna Bola Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca	106



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Skor Eksperimen	152
B	Instrumen Kajian Ruang Kerja	157
C	Prosedur Menjalankan Kajian Eksperimen	160
D	Surat Permohonan Menjalankan Pengumpulan Data	162
E	Surat Kebenaran Sekolah	164
F	Surat Makluman Penjaga	165
G	Surat Iringan Kepada Responden	166
H	Pengesahan Sebagai Pelajar Siswazah di Universiti Teknikal Malaysia Melaka	167



SENARAI SINGKATAN

ANGKASA	- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
FIPJP	- <i>The International Federation of Petanque et Jeu Provençal</i>
IEA	- <i>International Ergonomics Association</i>
JPM	- Jabatan Perangkaan Malaysia
JPNM	- Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
KPM	- Kementerian Pelajaran Malaysia
MPM	- Majlis Paralimpik Malaysia
MSN	- Majlis Sukan Negara
OIC	- Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa
OKU	- Orang Kelainan Upaya
PERKESO	- Pertubuhan Keselamatan Sosial
PPM	- Persekutuan Petanque Malaysia
SPSS	- <i>Statistical Package for The Social Sciences</i>
TGfU	- <i>Teaching Games for Understanding</i>
UMS	- Universiti Malaysia Sabah
VAS	- <i>Visual Analog Scale</i>
WHO	- Pertubuhan Kesihatan Dunia

SENARAI PENERBITAN

Muhammad Aizzat Alias, Mahadi Abu Hassan, Anidah Robani and Ab Rahman Z., 2023.
The Effect of Ergonomic and Resilience Element on Petanque Throw Skills Among Slow
Learner Students. *Journal of Pharmaceutical Negative Results*, Volume 14, Issue 2, pp.
2452-2456.



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Persekitaran fizikal yang selesa akan memberi kesan prestasi kerja yang positif. Faktor pencahayaan, pengudaraan, bunyi dan susun atur ruang kerja akan menyumbang kepada kepuasan kerja (Zuraida Hassan dan Nur Asilah, 2016). Selain itu, Zuraida Hassan dan Nur Asilah berpendapat bahawa persekitaran tempat kerja merupakan keadaan sesebuah organisasi dalam kalangan pekerja untuk mendapatkan keseronokan, keselesaan dan kepuasan. Ruang kerja memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian. Pendedahan risiko ruang kerja boleh menyebabkan seseorang pekerja mengalami kecederaan otot di tempat kerja. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan 2022), majikan bertanggungjawab membuat penyenggaraan persekitaran untuk pekerjanya meliputi keperluan, kepuasan diri, keseronokan, dan keselamatan. Kebajikan pekerja perlu diambil berat agar selamat dan tidak terdedah dengan risiko di ruang kerja. Namun, istilah ruang kerja tidak digunakan secara meluas di luar kawasan sektor perindustrian terutama dalam bidang sukan.

Bab ini membincangkan tentang pengenalan kajian yang berkaitan dengan kesan manipulasi fokus kemahiran lontaran petanque terhadap pelajar masalah pembelajaran. Pengenalan bab ini akan memberi gambaran berkaitan kajian yang dikaji oleh penyelidik. Bab pendahuluan ini terbahagi kepada dua belas bahagian. Bab ini turut menjelaskan tentang pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, kerangka kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, skop kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan ringkasan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan ruang kerja yang baik ini selari dengan fitrah manusia yang inginkan keselesaan dalam persekitaran mereka. Bani Hidayat et al. (2010), suasana ruang kerja di bilik darjah dan surau sekolah akan mempengaruhi keberkesanan interaksi pengajaran dan pembelajaran antara guru dan pelajar. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa ruang kerja bukan sahaja berkaitan dengan persekitaran di tempat kerja, bahkan merangkumi semua aspek kehidupan manusia tidak kira tempat sama ada di rumah, sekolah, perpustakaan, dan tempat riadah. Kajian yang dijalankan oleh Noor Azlina (2016), kesedaran masyarakat terhadap ruang kerja di taman permainan dapat memberi contoh yang positif kepada kanak-kanak. Kajian ini telah memberi gambaran bahawa ruang kerja yang baik akan meningkatkan gaya hidup dan keselamatan masyarakat setempat. Perkara ini sekaligus dapat mengelak sebarang insiden yang tidak diingini dan kemalangan yang boleh menjejaskan kesihatan seseorang. Kajian ini disokong oleh Ibrahim (2020), ruang kerja ialah melibatkan isu keselamatan asas fizikal dan psikologi di tempat kerja seharian. Kajian yang dilakukan di sebuah kilang ini menunjukkan bahawa hubungan reka bentuk tempat kerja yang selesa akan mempengaruhi produktiviti pekerja.

Statistik Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 2017 melaporkan bahawa sebanyak 127 kes berkaitan kegagalan fungsi sendi, saraf, otot dan tulang belakang telah diterima membabitkan kebajikan keselamatan pekerja di tempat kerja. Menurut Pakar Perubatan Sukan Dan Senaman, Jabatan Ortopedik, Hospital Kuala Lumpur, Khairullina Khalid (2018), ruang kerja yang tidak sesuai akan menyebabkan manusia boleh terdedah dengan risiko kesihatan. Kesan ini akan mempengaruhi kelancaran sesuatu organisasi dari segi kos kewangan, tempoh masa bekerja, dan cuti rawatan pekerja. Perkara ini telah terbukti apabila statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Keselamatan

Sosial (PERKESO) menunjukkan bahawa jumlah pampasan kemalangan di tempat kerja telah meningkat bermula dari tahun 2012 sehingga 2014. Peningkatan ini telah menunjukkan bahawa negara sedang membangun seperti Malaysia masih kurang pengetahuan mengenai kepentingan persekitaran ruang kerja yang baik. Tambahan pula, masalah ini tidak seharusnya berlaku kerana negara Malaysia merupakan salah satu negara yang melahirkan pakar dalam bidang sains dan teknologi. Persekitaran ruang kerja baik terutama dalam sains sukan akan dapat membantu atlet menyesuaikan diri dengan keadaan fizikal yang lebih selesa.

Manakala menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2005), sukan merupakan kegiatan yang memerlukan ketangkasan, kemahiran dan tenaga yang boleh dilakukan di lapangan untuk acara hiburan atau pertandingan. Acara sukan boleh dilakukan di lapangan yang luas dan sesuai seperti padang, kolam renang, dewan, gelanggang, balapan dan permukaan pasir. Kajian Syed Lamsah et al. (2018), aktiviti fizikal dapat mempengaruhi pembentukan personaliti dan proses pembelajaran kognitif. Pencapaian akademik pelajar tidak terjejas dengan melibatkan diri dengan aktiviti fizikal. Selain itu, sukan akan memberi impak positif dalam mengoptimumkan keupayaan fizikal pelajar yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kajian ini disokong oleh Harifah et al. (2018), aktiviti berbasikal memberi kesedaran terhadap kesihatan seseorang. Kajian ini menunjukkan bahawa seramai 300 orang responden yang terdiri daripada pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjalani soal selidik ini. Kajian ini menggunakan soal selidik berdasarkan kaedah persampelan rawak berstrata. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden menggunakan basikal untuk beriadah adalah tinggi berbanding ke kampus dan perpustakaan. Namun, penyelidik mendapati bahawa kajian ini tidak menyatakan suasana ruang kerja di dalam sukan. Oleh itu, penyelidik akan menjalankan kajian kesan manipulasi fokus kemahiran lontaran petanque terhadap pelajar masalah pembelajaran.

Permainan petanque merupakan salah satu sukan yang sesuai dimainkan di semua peringkat umur. Perkataan petanque berasal daripada negara Perancis iaitu *Pieds tanques* yang membawa maksud kedua kaki terikat. Ardo Okilanda (2018), sejarah perubahan sukan petanque bermula pada tahun 1910 di sebuah kampung kecil iaitu La Ciotat, Perancis. Perubahan permainan ini berlaku apabila seorang pemain handalan bernama Jules Le Noir telah terlibat dalam kemalangan yang menyebabkan kedua belah kakinya menjadi lumpuh. Kemalangan ini telah menghalang Jules Le Noir untuk bermain sukan petanque. Adik lelaki Jules Le Noir yang bersimpati dengan abangnya telah menghulurkan bola besi kepada Jules Le Noir supaya dapat melontar ketika berada di atas kerusi roda. Beliau telah mengubahsuai permainan dengan melukis bulatan di atas tanah supaya pemain dibenarkan berdiri di dalam bulatan berkenaan dan tidak perlu lagi berlari seperti peraturan sebelum ini. Perubahan cara petanque dimainkan telah memberi peluang kepada orang ramai khususnya orang berkerusi roda untuk mencuba sukan ini.

Petanque telah menjadi sukan yang dimainkan di semua negara termasuk benua Eropah, Amerika dan Asia. Negara yang bertanding dalam sukan petanque akan menjadi ahli Persekutuan Sukan Petanque Antarabangsa yang dikenali sebagai *The International Federation of Petanque et Jeu Provençal* (FIPJP). Pertandingan petanque yang dimainkan di semua peringkat umur mestilah mengikut undang - undang dan syarat ditetapkan oleh FIPJP. Syarat utama sukan petanque ialah pemain itu tidak boleh mengangkat kaki semasa melakukan balingan bola. Menurut Peraturan Rasmi Pertandingan Petanque Antarabangsa (FIPJP, 2017), sukan petanque hendaklah menggunakan bola besi yang dikenali sebagai *boule* iaitu bola yang diperbuat daripada logam. Sukan ini hanya dimainkan sama ada secara tiga pemain lawan tiga pemain, dua pemain lawan dua pemain atau seorang pemain lawan seorang pemain. Permainan ini dimainkan apabila bola besi dibaling untuk menghampiri sasaran bola kayu kecil yang dikenali sebagai *jack* bagi membolehkan

pemain mendapatkan mata permainan. Mata penamat bagi permainan petanque adalah 13 mata atau peraturan masa selama 1 jam 30 minit. Walau bagaimanapun, FIPJP tidak memfokuskan permainan ini kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) kerana sukan petanque tidak dipertandingkan di peringkat Paralimpik dan kejohanan Para yang lain.

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO, 2011), mendefinisikan Orang Kelainan Upaya (OKU) sebagai manusia yang cacat dan terhalang dengan keadaan fizikal atau mental dari melakukan aktiviti normal sosial. Statistik yang dikeluarkan oleh WHO mendapati bahawa 1.3 peratus (%) penduduk sesebuah negara terdiri daripada golongan OKU. Data Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) yang dikeluarkan pada Ogos 2018 mendapati bahawa penduduk Malaysia adalah seramai 32.4 juta orang. Pengiraan ini menunjukkan bahawa anggaran golongan OKU di Malaysia sudah mencecah seramai 421,200 orang. Golongan OKU telah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kecacatan fizikal, kecacatan mental, dan kecacatan sensori. *Autism* ialah contoh kecacatan fizikal iaitu keadaan yang menghalang seseorang itu dari melakukan aktiviti sosial. Manakala, kecacatan mental ialah keadaan perkembangan otak yang terbantut sehingga memerlukan rawatan dan penjagaan khas seperti kecacatan *down's syndrome*. Kategori kecacatan sensori pula adalah melibatkan kecacatan deria manusia seperti pendengaran dan penglihatan. Chiang Ee Fong (2018), setiap pelajar pendidikan khas mempunyai masalah berbeza. Sebagai contoh, pelajar *down's syndrome* mempunyai masalah fizikal seperti lidah pendek, penyakit telinga, mata, hidung dan pemikiran kognitif yang rendah berbanding dengan pelajar *autism* yang tiada masalah fizikal namun mempunyai kesukaran untuk bertutur dan berkomunikasi.

Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Ahmad Shapawi Ismail (2022), langkah kerajaan untuk memperkasakan Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) akan dapat memberi manfaat yang lebih besar kepada atlet para negara. Selain itu, Akta Pembangunan Sukan (Pindaan 2018) telah mengiktiraf MPM bertanggungjawab untuk memastikan Malaysia menyertai Sukan Paralimpik dan pertandingan olahraga antarabangsa mengikut peraturan Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa. Pindaan akta ini telah mendapat respon yang positif oleh Naib Presiden MPM, R.Subramaniam apabila kejayaan atlet negara sejak tiga tahun lepas mula dipandang tinggi masyarakat antarabangsa. Tambahan pula, walaupun pergaulan sosial golongan OKU dalam masyarakat adalah kurang di Malaysia, namun mereka dilihat mampu bersaing dengan manusia normal lain dalam apa jua bidang seperti sektor pembuatan, perindustrian, pendidikan atau sukan. Malahan, penglibatan aktif golongan OKU dalam sukan akan dapat melatih diri mereka untuk berdikari dan berusaha mencapai kejayaan tanpa mengharap bantuan orang lain.

Sebagai contoh, kejayaan atlet OKU Malaysia sudah dibuktikan dalam Sukan Para Asia Jakarta – Palembang 2018 yang diadakan di Indonesia. Kejohanan yang melibatkan semua negara Asia itu telah mencetuskan kejayaan atlet OKU Malaysia apabila mencipta kejayaan luar biasa dalam acara dan kategori masing – masing. Atlet negara seperti Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi (Olahraga 100 meter lelaki T36 - *Cerebral Palsy*), Muhammad Ziyad Zolkefli (Lontar peluru lelaki F20 - Masalah Pembelajaran), dan Abdul Latif Romly (Lompat jauh lelaki T20 - Masalah Pembelajaran) menjadi liputan media sepanjang temasya ini berlangsung apabila Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi dan Abdul Latif Romly telah berjaya memecahkan rekod dunia, manakala lontaran Muhammad Ziyad Zolkefli pula mengatasi rekod Asia. Selain itu, kontijen negara yang beraksi di kejohanan ini turut mencipta kejayaan berganda apabila mengutip 17 pingat emas dan berjaya mengatasi sasaran awal 15 pingat emas yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara.

Kejayaan ini secara tidak langsung telah menggambarkan hasil usaha dan kerja keras mereka yang berterusan untuk mengharumkan nama Malaysia sebaris dengan negara – negara maju yang lain.

Namun, kejayaan luar biasa ini tidak melibatkan sukan petanque kerana tidak dipertandingkan lagi di peringkat Sukan Para Asia dan Olimpik. Penglibatan golongan OKU terutama pelajar masalah pembelajaran dalam sukan petanque adalah masih rendah. Pelajar masalah pembelajaran di Malaysia hanya didedahkan dengan sukan petanque di peringkat sekolah sahaja. Bakat dan peluang mereka di luar kelas kurang diberi perhatian oleh masyarakat sekeliling. Shalini (2011), masyarakat Malaysia seharusnya mempunyai tanggungjawab sosial terhadap golongan OKU. Kajian ini disokong Hazlin Falina et al. (2017), golongan OKU mempunyai kesaksamaan hak dan peluang dengan masyarakat normal untuk menjalani kehidupan yang sejahtera. Oleh itu, perancangan jangka masa panjang harus dirangka bagi memastikan keperluan dan hak golongan OKU untuk melibatkan diri dalam sukan terjamin di masa hadapan.

Justeru itu, pihak kerajaan telah merangka Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya 2016 hingga 2022 melalui Teras Strategik 5. Pelan ini adalah untuk mengukuhkan perkhidmatan sosial terhadap golongan OKU. Objektif teras ini ialah untuk memastikan golongan OKU menikmati kehidupan yang berkualiti seperti masyarakat yang lain. Selain itu, Teras Strategik 5 ini adalah untuk melahirkan warga OKU yang mempunyai potensi tinggi dalam bidang sosial, kebudayaan, rekreasi dan sukan. Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya ini akan dapat membantu golongan OKU terutama kepada pelajar masalah pembelajaran untuk menyerlah di dalam bidang sukan. Namun, pelan ini tidak menyatakan kesan ruang kerja dalam sukan. Oleh itu, kajian kesan manipulasi fokus kemahiran lontaran petanque terhadap pelajar masalah pembelajaran perlu dijalankan.